

SCL COLLEGE TRAINERS MULA MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB



UTLC telah menganjurkan Siri Bengkel *Aligning Student Centred Learning Through Case Studies* peringkat Kolej pada 2, 3, 4 dan 7 Ogos yang lalu dan bertempat di Bilik Bengkel A, Pusat Konvensyen, Seramai 17 orang pensyarah telah menyertai bengkel ini. Mereka adalah merupakan kumpulan pertama pensyarah dari Pusat Pengajian Sains Kuantitatif, Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi dan Pusat Pengajian Pengkomputeran, UUM CAS.

Program ini adalah sebahagian daripada usaha UTLC bukan sahaja untuk meningkatkan keberkesanan pedagogi dalam kalangan pensyarah, selaras dengan kehendak PSPTN dan Sistem Penarafan IPT Malaysia, tetapi juga untuk melahirkan Trainers di setiap Kolej, yang dapat menjadi rujukan rakan akademik dalam aspek tertentu Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (SCL).



Peserta bengkel telah diberikan kefahaman tentang konsep Pendidikan Berasaskan Hasil (Outcome Based Education), konsep *Constructive Alignment* serta penggunaan kes sebagai kaedah SCL.

Pengisian bengkel selama empat hari ini, yang diadakan mulai jam 9.00 pagi hingga 1.00 petang setiap hari, telah dilaksanakan secara ceramah, perbincangan kumpulan kecil dan sesi pembentangan.

Pasukan *College Trainers* UUM CAS yang telah mengendalikan bengkel ini adalah Dr. Mohd Kamal Mohd Nawawi, Dr. Shahrul Azmi Mohd. Yusof, Prof. Madya Dr. Zulikha Jamaludin, Dr. Mohd Syazwan Abdullah dan Dr. Nor Intan Saniah Sulaiman.

Pelbagai reaksi positif daripada peserta telah diterima berhubung bengkel ini. Antaranya ialah Puan Norida Muhd Darus daripada Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, yang berkata "Hari terakhir bengkel menjadi meriah dengan simulasi pengendalian kelas menggunakan CS yang mana *College Trainers* banyak membantu menghidupkan sesi ini."

Bagi En. Tuan Zalizam Tuan Muda pula, "...personally I think, the workshop is very good, to adapt those methods of CA and CS, in my teaching activities. Actually, I have implemented those methods before. I don't have problems to enhance those methods in my teaching activities."

Pendapat beliau juga disokong oleh Puan Nor Iadah Yusop, "...the simulation is very good and deemed necessary to let the participants experience and see how a case study is used and conducted in class. I also now know that a single case study can be reused in different contexts. This is the best part of the whole workshop."

Siri 2 bengkel ini, bagi kumpulan pertama pensyarah dari Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, dan Pusat Pengajian Pembangunan Sosial, UUM CAS sedang berjalan sekarang ini, di Bilik Bengkel A, Pusat Konvensyen iaitu mulai 14 hingga 17 Ogos ini. Bengkel untuk pensyarah UUM COB dan UUM COLGIS akan menyusul.

Semua siri bengkel dikendalikan secara kolaboratif oleh pasukan *College Trainers/Champions "Constructive Alignment" dan "Case Study Teaching"* yang mewakili kolej masing masing. Mereka ini telah melalui dengan jayanya latihan intensif *Training of Trainers* oleh UTLC pada bulan Jun lepas.

Habis.